

Bekas menteri dicalon setiausaha agung

84 11/7/03
KUALA LUMPUR: Malaysia didijangka mencalonkan seorang bekas menteri untuk dipilih sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikatakan menolak untuk memegang sebarang jawatan selepas bersara.

Agensi berita *IslamOnline* yang beribu pejabat di Doha, Qatar melaporkan **negara** Arab sebelum ini menaruh harapan agar Dr Mahathir memegang jawatan itu selepas bersara Oktober ini.

“Jika Dr Mahathir tidak mahukan jawatan itu, Malaysia mungkin mencalonkan seorang bekas menteri yang pakar dalam dasnr luar,” kata agensi itu

menitikberatkan sumber pemimpin Umno.

Setiausaha Agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi yang menyandang jawatan itu sejak 2001. Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra ialah Setiausaha Agung OIC yang pertama dari 1971 hingga 1973.

Dr Abdelouahed adalah Setiausaha Agung OIC kelapan dan tempohnya akan berakhir tahun depan.

Malaysia adalah tuan rumah sidang kemuncak OIC ke-10 Oktober ini apabila mengambil alih jawatan Pengerusi OIC daripada Qatar.

Baru-baru ini, Dr Abdelouahed melaw

wat negara ini bagi meninjau persiapan Malaysia untuk menjadi tuan rumah itu dan turut mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut *IslamOnline*, beberapa pemerhati di Malaysia mahukan pertubuhan seperti OIC memainkan fungsi utama di dunia Islam dan boleh menjadi wadah untuk ummah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Sebelum ini, Dr Mahathir disebut-sebut sebagai calon popular untuk jawatan Setiausaha Agung OIC kerana ketokohnya di peringkat antarabangsa serta menjadi jurucakap negara

membangun selaku Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Namun ketika ditanya wartawan pada sidang media di akhir Perhimpunan Agung Umno, 22 Jun lalu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu memegang sebarang jawatan selepas bersara.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah memberi pandangan kepada OIC jika diminta berbuat demikian.

Dr Mahathir diminta mengulas pandangan banyak negara OIC yang mahukan Malaysia meletakkan calon untuk jawatan Setiausaha Agung badan yang mewakili negara Islam terbesar dunia itu.